

14/11/1999

Bicara Anwar disambung Selasa

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang disambung selepas cuti Deepavali, hanya dapat dijalankan selama sehari setengah saja kerana hakim tidak sihat.

Perbicaraan yang disambung pada Selasa terpaksa ditangguhkan sehingga Jumaat dan tangguhkan sekali lagi sehingga Selasa ini.

Ariffin diberi cuti sakit sehingga Selasa ini selepas mendengar keterangan membela diri Anwar pada Selasa serta Rabu lalu.

Pada perbicaraan itu, Ariffin mengeluarkan perintah melarang Ummi Hafilda Ali dan sesiapa saja daripada terus membuat kenyataan mengenai perbicaraan itu.

Perintah itu dikeluarkan berikutan tindakan Ummi Hafilda membuat kenyataan memberi ulasan keterangan yang dikemukakan oleh Anwar dalam perbicaraan itu.

Berikut adalah rentetan perbicaraan minggu ke-20:

9 November (Hari ke-73)

Anwar yang menyambung keterangan memberitahu Mahkamah Tinggi, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik membantah keras pengenalan Akta Pencegahan Rasuah yang diluluskan Parlimen pada 1997.

Dia berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu bercuti di London memberitahunya mengenai aduan beberapa menteri termasuk Dr Ling mengenai peruntukan yang dipertikaikan.

Katanya, peruntukan dipertikaikan itu ialah Seksyen 33 akta berkenaan yang memberi kuasa kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk merampas harta yang diperolehi secara rasuah walaupun ia berlaku selepas beberapa tahun.

"Perdana Menteri yang ketika itu di London meminta saya mengkaji peruntukan yang dipertikaikan kerana beberapa ahli Kabinet menghubunginya termasuk Dr Ling.

"Saya memberi jaminan kepada Perdana Menteri akan mengkaji peruntukan itu lagi bersama BPR dan Peguam Negara. Kemudian, dalam mesyuarat Kabinet, perkara itu dibincangkan secara terang," katanya.

Anwar berkata, Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob juga marah kepadanya berhubung pengenalan akta baru berkenaan.

"Tun Daim dan Datuk Seri Megat, marah bukan main dengan saya. Malah mereka membuat kenyataan saya begitu bodoh memberi BPR kuasa sebegitu," katanya.

Sementara itu, Ariffin memerintahkan Ummi Hafilda supaya tidak lagi mengeluarkan kenyataan berhubung perbicaraan kes liwat Anwar dan Sukma Darmawan.

Ariffin, yang mengeluarkan perintah itu berkata, Ummi Hafilda perlu menutup mulut dan tidak lagi membuat sebarang ulasan mengenai kes berkenaan.

"Perbuatan ini keterlaluan dan sepatutnya beliau memberi penjelasan dengan cara memberi keterangan dalam mahkamah ketika perbicaraan ini.

"Beliau adalah saksi penting yang akan dipanggil oleh pembela. Sungguhpun beliau berhak memberi pendapatnya, kebebasan ini tertakluk kepada perkara yang menjadi isu dalam perbicaraan ini," katanya.

Ariffin berkata demikian selepas peguam bela Anwar, Karpal Singh memberitahu mahkamah mengenai laporan akhbar hari ini yang menyiarkan kenyataan Ummi Hafilda dalam satu ceramah di Batu Pahat.

Ummi Hafilda dilaporkan bersumpah dengan nama Allah menafikan beliau

diupah untuk membuat fitnah terhadap Anwar, menerusi surat bertajuk  
'Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri'

10 November (Hari ke-74)

Perbicaraan ditangguhkan sehingga Jumaat ini kerana Ariffin tidak sihat.  
Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rozilah Salleh mengumumkan  
penangguhan itu selepas pembela dan pendakwa menemui Ariffin di kamar  
hakim.

Rozilah berkata, penangguhan itu juga dibuat bagi membolehkan pembela  
mengemaskinkan dokumen yang akan dikemukakan kepada mahkamah sebagai  
barangan kes.

Sebelum itu, pembela dan pendakwa menemui Ariffin dalam kamarnya pada  
jam 10.30 pagi selepas hakim berkenaan ingin berbincang mengenai dokumen  
yang mahu dikemukakan sebagai barang kes.

Ariffin tidak berpuas hati dengan pihak pembela yang tidak mengesahkan  
dulu salinan dokumen itu sebelum dikemukakan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, pada jam 11.15 pagi Rozilah mengumumkan perbicaraan  
ditangguhkan sehingga Jumaat ini selepas Anwar memberi keterangan kira-  
kira sejam.

Dalam keterangannya pagi ini, Anwar memberitahu mahkamah bahawa Perdana  
Menteri menyerahkan surat yang ditulis oleh Ummi Hafilda dan pengakuan  
bersumpah Azizan Abu Bakar kepadanya.

Katanya, Perdana Menteri memberitahu surat dan pengakuan bersumpah itu  
diterima daripada Datuk Seri Megat Junid.

"Ketika menyerahkan surat dan pengakuan itu, Perdana Menteri meminta  
saya menganggap surat serta pengakuan itu sebagai sampah. Beliau meminta  
saya membaca dan memusnahkannya.

"Saya baca surat dan pengakuan itu di pejabat saya. Sebelum itu, Perdana  
Menteri ada menyebut masalah keluarga yang dihadapi oleh Ummi Hafilda dan  
abangnya, Mohd Azmin," katanya.

Perbicaraan bersambung Selasa ini.

(END)